



Buletin **MBMB**

JULAI - DISEMBER 2025

EDISI 2 Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah



Kuda 'Jaga' Bandar

Menara 001 Mercu Baharu Pelancongan



Majlis Bandaraya
Melaka Bersejarah



mbmb.official



@MBMBOfficial



mb_melakabersejarah



MBMB Official



www.mbmb.gov.my



013-302-9007
(Aduan)

ISI KANDUNGAN

3-4 ANUGERAH DAN PENCAPAIAN

5-27 PROGRAM-PROGRAM MBMB

28-30 MBMB CAKNA

31-33 KURSUS/LATIHAN/BENGGEL

34-36 PERSATUAN KELAB MBMB

37-38 OPS MBMB

39 SEKALUNG BUDI

40 KLIK KLIK MBMB

Mutiara Kata

Dua hal yang harus dijaga dengan hati-hati iaitu waktu dan kesihatan. Keduanya lebih berharga dari emas dan perak
- Imam Ghazali -

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

YBhg. Datuk Hj. Shadan Bin Hj. Othman
Datuk Bandar MBMB

PENGERUSI

Tuan Muhammad Firdaus bin Shariff
Setiausaha Bandaraya MBMB

KETUA PENGARANG

En. Hafiz bin Hj. Hasan
Pengarah Jabatan Pengurusan Korporat & Komuniti

PENGARANG

Pn. Syafrina binti Mohd Yusop
Penolong Pengarah Kanan (Media)
Jabatan Pengurusan Korporat & Komuniti

PENOLONG PENGARANG

Pn. Suhaida binti Hj. Razab
Pn. Endun binti Daud

JURUFOTO

En. Muhammad Syaiful bin Md Nasir
Pn. Nor Adila binti Amzah
En. Mohamad Yusri bin Bujang

EDITOR

Jabatan Pengurusan Korporat & Komuniti,
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah,
Graha Makmur,
No.1, Jalan Tun Abdul Razak-Ayer Keroh,
Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.

Penerbit tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hakcipta dan masalah daripada penerbitan ini. Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada Jabatan Pengurusan Korporat & Komuniti, MBMB.

REKABENTUK DAN CETAKAN OLEH

Warisan HN Group Sdn Bhd

TAHNAH MBMB - ANUGERAH KONTINJEN CERIA MADANI

Tahniah MBMB atas kejayaan merangkul Anugerah Kontinjen Ceria Madani, Kategori Agensi Kerajaan sempena Majlis Perhimpunan dan Perarakan Maulidur Rasul 1447H Peringkat Negeri Melaka Tahun 2025M pada **5 September 2025** yang lalu.

Majlis penyampaian anugerah ini telah diadakan pada Program Melaka Berselawat serta Penyampaian Anugerah Khas Maulidur Rasul 1447 Hijriyyah/2025 Masihi di Dataran Pusat Islam Melaka pada 12 September 2025, yang disempurnakan oleh TYT Tun Seri

Setia Dr. Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka, diiringi YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka.

YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB diiringi beberapa orang anggota terlibat telah hadir bagi menerima anugerah tersebut yang membawa pulang hadiah kemenangan RM1,500.00, plak dan sijil penyertaan.

Tahniah dan syabas diucapkan!



PENGIKTIRAFAN SAPPHIRE AWARDS



MBMB telah mendapat pengiktirafan *Sapphire Awards* bagi kategori *City And Town Park* iaitu Taman Bandaraya Bukit Serindit sempena *MIP MyPlace Awards* Tahun 2025 yang telah diadakan pada **12 September 2025**, di Le Meridian, Petaling Jaya. MBMB turut menerima

Strategic Partner Appreciation di atas penganjuran *National Heritage Conference* di Melaka.

Anugerah telah disampaikan oleh TPr. Hj. Mazrina Dato Abdul Khalid, Presiden MIP dan YBr. Dr. Alias bin Rameli, Ketua Pengarah PLAN Malaysia kepada

YBr. Tn. Muhammad Firdaus bin Shariff, Setiausaha Bandaraya MBMB.

Hadir sama ketua-ketua jabatan MBMB serta pegawai-pegawai kanan MBMB.

Tahniah Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah!!!

ANUGERAH CERTIFICATE OF RECOGNITION KATEGORI CIRCULAR ECONOMY FOR SMALL CITIES



Sempena *AMME-18 Ministerial Dinner & 6th Asean Environmentally Sustainable Cities Award & 5th Certificate Of Recognition Ceremony* yang telah berlangsung di Park Royal Langkawi Resort, Pulau Langkawi pada **3 September 2025**, MBMB telah menerima Anugerah *Certificate of Recognition* bagi Kategori *Circular Economy for Small Cities* bagi Bandaraya Melaka. Penyampaian anugerah ini telah disempurnakan oleh

YB Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani, Pemangku Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) kepada YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB diiringi oleh Dr. Kao Kim Houn, *Secretary General of ASEAN*.

Hadir sama, YB Datuk Wira Azhar bin Hj. Arshad, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka mewakili Kerajaan Negeri Melaka.

Tahniah MBMB!!! Tahniah Melaka!!!

PENGIKTIRAFAN BAGI PROJEK CAJ PEMBERSIHAN



Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah telah menerima pengiktirafan bagi Projek Caj Pembersihan dan sijil penghargaan telah disampaikan oleh Tan Sri Dato' Sri Hj. Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara kepada YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB pada Majlis Perasmian Penutup Program Madani Rakyat 2025 yang diadakan di Politeknik Merlimau pada **19 Oktober 2025**.

Majlis Perasmian Penutup yang disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia turut dihadiri oleh YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka, YB Datuk Azhar bin Hj. Arshad, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, barisan EXCO dan Timbalan EXCO Negeri Melaka.

Tahniah MBMB!!!

ANUGERAH PENARAFAN *DEVELOPING SMART CITY* 2025 & ANUGERAH BANDAR PALING MAMPAN 2025

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah telah menerima Anugerah Penarafan *Developing Smart City* 2025 yang telah disampaikan oleh YAB Datuk Amar Haji Fadilah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri kepada YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB. MBMB juga turut menerima Anugerah Bandar Paling Mampan 2025 bagi Kategori Bandaraya dan telah disampaikan oleh Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan kepada Tn. Muhammad Firdaus bin Shariff, Setiausaha Bandaraya MBMB. MBMB menerima *mock cheque* berjumlah RM4,000, plak penghargaan beserta Sijil Penghargaan. Penganugerahan untuk tahun kedua berturut-turut

kepada MBMB ini berasaskan kepada Pengukuran Jaringan Penunjuk Bandar Mampan Bandar dan Luar Bandar Malaysia (MURNInets) yang menilai aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar. Kedua-dua anugerah ini diterima pada Majlis Perasmian Hari Perancangan Bandar Sedunia, Kongres Perancangan Kebangsaan dan *MyCity EXPO* 2025 telah berlangsung di Dewan Sri Siantan, Putrajaya pada **28 Oktober 2025**.

Tahniah kepada seluruh warga kerja MBMB dan seluruh warga bandaraya Melaka di atas penarafan ini!!!

Pengiktirafan ini membuktikan komitmen MBMB dalam menjadikan bandaraya Melaka Bersejarah lestari dan mampan.



Tahniah

DB MBMB NAIB JOHAN ANUGERAH KEPIMPINAN PBT TERBAIK

Sekalung tahniah kepada YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman kerana telah merangkul Naib Johan bagi Anugerah Kepimpinan PBT Terbaik bagi Kategori Bandaraya.

Anugerah Kecemerlangan Menteri KPKT ini telah diadakan di Hotel Majestic, Kuala Lumpur pada **8 November 2025**. YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyampaikan anugerah tersebut kepada YBhg. Datuk Bandar berupa mock cek bernilai RM5,000.00

serta sijil penghargaan dan disaksikan oleh YB Datuk Aiman Athirah binti Sabu, Timbalan Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.

Turut hadir sama YBhg. Datuk Hjh. Sapiah binti Haron, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya serta Tuan Muhammad Zahiruddin bin Mohd Zahari, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Jasin.

Tahniah DB!!!

KPPA @ ZBK

YBhg. Tan Sri Wan Ahmad Dahlan bin Hj. Abdul Aziz, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) Malaysia telah mengadakan lawatan ke Zon Bebas Kenderaan (ZBK), Banda Hilir, Melaka pada **6 November 2025**.

Beliau dan delegasi dibawa melawat ke *First Aid Station*, Banda Hilir bagi melihat sendiri kemudahan serta peralatan yang disediakan di F.A.S tersebut. Hadir sama YB Datuk Wira Azhar bin Hj. Arshad, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, YBhg. Datuk Dr. Mohd Bakhari bin Ismail, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan); YBhg. Dato' Mohd Shaiful bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi); YBhg. Datuk Dr. Mohd Zabri bin Yusoff, Pengarah INTAN; YBhg. Dato' Badurrunhisam bin Mohd Nor, Pengarah Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam, serta

pegawai-pegawai kanan. YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB turut memberi taklimat ringkas berkaitan *First Aid Station*.

St. John Ambulans Malaysia menyediakan unit paramedik komuniti khusus untuk acara ZBK termasuk unit paramedik berbasikal yang dilengkapi dengan peralatan perubatan asas dan mesin *Automated External Defibrillator (AED)*, membolehkan mereka memberikan bantuan kecemasan dengan segera kepada mangsa kemalangan atau kecederaan.

Terdahulu, beliau telah mengadakan perjumpaan bersama penjawat awam negeri Melaka bertempat di MITC, Melaka bagi menyampaikan taklimat dan amanat buat semua penjawat awam negeri Melaka.



SEHARI BERSAMA WARGA BANDARAYA



Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah sentiasa komited untuk menjalinkan kerjasama di antara agensi-agensi kerajaan mahupun swasta bagi memastikan perkhidmatan kepada warga bandaraya tercapai. Bagi tujuan ini, MBMB telah mengadakan Hari Bertemu Pelanggan bersama warga bandaraya pada **8 Julai 2025**. YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB turut turun padang beramah mesra dengan pelanggan yang hadir serta merasmikan Hari Bertemu Pelanggan MBMB 2025. YBhg. Datuk Bandar turut mengalu-alukan warga bandaraya

yang mempunyai sebarang cadangan serta idea yang bernas untuk diajukan kepada pegawai MBMB agar MBMB selaku Pihak Berkuasa Tempatan dapat menambahbaik perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat.

Hadir sama Clr. Mustafa bin Mohamed Baboo, Ketua Ahli Majlis MBMB, Ahli-ahli Majlis, Tuan Shaiful Hizam bin Johan, Pegawai Daerah Melaka Tengah, Tn. Muhammad Firdaus bin Shariff, Setiausaha Bandaraya MBMB, ketua-ketua jabatan dan unit serta wakil agensi terlibat yang turut serta dalam Hari Bertemu Pelanggan MBMB.

Turut diadakan Seminar Transformasi Minda Usahawan Madani khas buat golongan peniaga dan pelajar-pelajar MICOST yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada usahawan dalam menambahbaik kualiti perkhidmatan jualan serta pendedahan awal kepada para pelajar untuk berjinak-jinak ke alam perniagaan. Taklimat telah disampaikan oleh pihak Bank Islam, TEKUN, Farm Fresh serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Negeri Melaka.

PROGRAM GENERASI WAWASAN PROGRESIF DAN DINAMIK

MBBM mengambil inisiatif menganjurkan Program Generasi Wawasan selaras dengan pelaksanaan Dasar Komuniti Negara pada tahun 2019, Kluster ke-2 iaitu kebersihan, alam sekitar dan kesihatan, yang mana pihak kerajaan telah menekankan bahawa komuniti setempat perlu memainkan peranan penting dalam melaksanakan tanggungjawab menjaga alam sekitar. Tanggungjawab ini bukan hanya terletak pada bahu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), malah ianya memerlukan kerjasama dan komitmen yang berterusan dalam kalangan komuniti di pelbagai peringkat umur termasuklah pelajar sekolah.

Justeru itu, MBMB selaku PBT utama di negeri ini menggalas tanggungjawab dan peranan yang besar dalam memastikan hasrat dan dasar kerajaan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Program Generasi Wawasan MBMB menumpukan kepada isu buli, penyalahgunaan vape dan gangguan seksual dalam kalangan pelajar serta pemeliharaan alam sekitar. Bagi tujuan ini, MBMB telah bekerjasama dengan beberapa agensi iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), pihak Jabatan Penjara, Malaysia, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) serta SWCorp untuk memberi taklimat secara bergilir di setiap sekolah yang terpilih bagi program ini.

Objektif utama program Generasi Wawasan adalah bagi menjalinkan hubungan dua hala antara Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dengan institusi pendidikan terutamanya pelajar-pelajar sekolah. Ianya juga dapat menyemai dan memupuk amalan menjaga kebersihan bermula daripada sekolah dan diperkukuhkan serta diperkembangkan di rumah kediaman agar dapat menjadi amalan sepanjang hayat.

Dari sudut kesihatan dan keselamatan pula, penekanan awal ini dapat memberi pengetahuan kepada para pelajar mengenai langkah-langkah pencegahan jenayah dan penyakit berjangkit.



MAJLIS PELANCARAN COMMUNITY ACTION PLAN (CAP)



Majlis Pelancaran *Community Action Plan (CAP)* bagi projek *Urban Climate Resilience Program - Resilience for Communities* atau singkatannya R4C telah berlangsung pada **10 Julai 2025**, bertempat di Hotel Swiss Garden, Melaka.

Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Hj. Mohd Noor Helmy bin Abdul Halem, Timbalan EXCO Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital Negeri Melaka. Hadir sama YB Tuan Low Chee Leong, Timbalan EXCO Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Negeri Melaka, YBrs. Tuan Junior Cho Country CEO, Zurich Malaysia, YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB, YBhg. Datin TPr. Hajjah Mazrina Dato' Abdul Khalid, Presiden *Malaysian Institute of Planner (MIP)*, Cik Nini Purwajati, *Lead, Programs & Knowledge, Resilient Cities Network (RCities)*, Ahli-ahli Majlis MBMB, Tn. Muhammad Firdaus bin Shariff, Setiausaha Bandaraya MBMB, ketua-ketua jabatan MBMB serta wakil komuniti penduduk.

Turut diadakan pelancaran *Climate*

Action Plan Rumah Pangsa Pantai Peringgit dan Kampung Morten serta penyampaian sijil kepada wakil penduduk kedua-dua komuniti.

Sekalung penghargaan kepada rakan pelaksana projek *Resilient Cities Network*, Z Zurich Foundation, Urban Scale Studio serta institusi akademik Nanyang Technological University Singapura yang telah berganding bahu menjayakan inisiatif penting ini. Tahniah!!!

MAJLIS PERASMIAN PERSIDANGAN PERWAKILAN TRITAHUNAN SESI 2025-2028 CUEPACS



Majlis Perasmian Persidangan Perwakilan Tritahunan Sesi 2025-2028 CUEPACS Negeri Melaka telah diadakan di Dewan Taming Sari, MBMB pada **16 Ogos 2025**. Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, YB Datuk Wira Azhar bin Haji Arshad mewakili YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka hadir menyempurnakan majlis tersebut.

Hadir sama YBhg. Datuk Haji Shadan bin Haji Othman Datuk Bandar MBMB YBrs. Tuan Abdul Rahman bin Haji Mohd Nordin, Setiausaha Agung CUEPACS; YBrs. Puan Hafizah Nabilah binti Mohd Idris, Pengarah Jabatan Hal

Ehwal Kesatuan Sekerja Negeri Melaka dan Negeri Sembilan; YBrs. Tuan Norman bin Haji Taib, Pengerusi CUEPACS Negeri Melaka; barisan kepimpinan CUEPACS Malaysia dan negeri Melaka serta para perwakilan dan pemerhati.

Peranan CUEPACS amat penting kepada penjawat awam bagi membawa suara demi menjaga kebajikan, hak dan masa depan penjawat awam negeri Melaka khasnya dan 1.6 juta orang penjawat awamnya.

Tahniah CUEPACS!



MAJLIS APRESIASI MBMB



MEDIA & KOMUNITI – MENGIKTIRAF PERANAN, MENGUKUH KERJASAMA

Majlis Apresiasi MBMB Media dan Komuniti merupakan acara tahunan MBMB bagi menghargai jasa dan sumbangan pengamal media dan komuniti yang banyak membantu MBMB bagi sebarang program dan majlis sepanjang tahun 2025 serta menyebarkan fungsi dan perkhidmatan MBMB selaku PBT utama di Melaka.

Bertemakan *Floral*, majlis makan malam yang penuh gemilang ini telah diadakan pada **13 Ogos 2025**, bertempat di Hotel Courtyard by Marriot, Melaka dan disempurnakan oleh YB Datuk Rais bin Datuk Wira Yasin, Exco Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana.

MBMB turut menyalurkan sumbangan kepada dua persatuan utama media di Melaka iaitu PENDIKA dan MJA sebanyak RM3,000.00 untuk setiap persatuan. Pada tahun ini juga, MBMB turut memberi plak penghargaan kepada persatuan pengengaruh media sosial negeri Melaka iaitu Persatuan Komuniti Digital & Kreatif Melaka (PKDK) sebagai penghargaan dan usaha sama yang telah dan akan dilaksanakan kelak.

Turut diadakan penyampaian sijil dan plak penghargaan kepada agensi media dan komuniti bagi kategori individu prihatin, agensi kerajaan, usahawan dinamik, penggiat pelancongan, agensi swasta serta NGO dan komuniti perumahan.

Kemeriahan diteruskan dengan penyampaian hadiah pakaian terbaik dan cabutan bertuah buat semua hadirin yang hadir. Klimaksnya pula adalah sambutan hari lahir YB Dato' Azhar bin Hj. Arshad, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka.

Penganjuran majlis ini bukan sekadar simbol penghargaan, malah menjadi platform untuk memperkukuh semangat kebersamaan antara agensi media, dan komuniti. Semoga hubungan strategik yang terjalin akan terus menjadi pemangkin kepada penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan, inklusif, dan berimpak tinggi kepada masyarakat setempat.

Terima kasih kepada semua yang hadir !!!



MBMB RAIKAN SEMANGAT PATRIOTIK CINTAKAN TANAH AIR



Sambutan Hari Kemerdekaan Peringkat MBMB telah berlangsung dengan cukup meriah di Dewan Taming Sari MBMB. Majlis yang diadakan pada **19 Ogos 2025** ini turut diserikan dengan kehadiran YB Datuk Rais bin Datuk Wira Yasin, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana. Hadir sama YB Datuk Zulkiflee bin Datuk Seri Mohd Zin, Timbalan EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana, YBhg, Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB, Clr. Mustafa bin Mohamed Baboo, Ketua Ahli Majlis MBMB, Ahli-ahli Majlis, Tn. Muhammad Firdaus bin Shariff, Setiausaha Bandaraya, ketua-ketua jabatan dan unit, serta anggota MBMB.

Sempena kemerdekaan Malaysia yang ke-68 pada tahun ini, En. Muslihin bin Muhammad, Yang Dipertua Persatuan Pengamal Adat Melayu Melaka merangkap Sidang Kawasan Merlimau telah dijemput menyampaikan Bicara Merdeka bertajuk Rukun Negara. Seterusnya, persembahan Bicara Berirama yang penuh semangat daripada pelajar Sekolah Kebangsaan Tengkeri 1 bertajuk 'Mencegah Rasuah Ke Arah Masyarakat Madani Yang Bermaruah'. YB Datuk Rais juga turut menyampaikan amanat beliau kepada semua anggota MBMB dan turut diadakan sesi penyerahan jalur gemilang kepada semua Ahli Majlis dan Ketua Jabatan serta Unit MBMB.

Anggota MBMB juga bersemangat menyanyikan lagu patriotik sempena

menyambut bulan kemerdekaan sambil mengibarkan jalur gemilang. Turut berlangsung, sesi pemasangan Jalur Gemilang di kenderaan rasmi MBMB.

MBMB melaksanakan pemasangan jalur gemilang disegenap kawasan pentadbiran MBMB serta memastikan sektor swasta, premis perniagaan, sukarelawan NGO mahupun orang perseorangan turut bersama-sama memasang dan mengibarkan Jalur Gemilang di rumah-rumah kediaman, tapak bina serta premis perniagaan masing-masing.

Terima kasih semua!!! Semoga semangat kemerdekaan terus menyemarakkan rasa cinta dan kesetiaan kita terhadap tanah air tercinta.

PROGRAM MALAYSIAKU MERDEKA SEMARAK UNITI MALAYSIA MADANI *UNITY GLOW FUNWALK*



Program Malaysiaku Merdeka Semarak Uniti Malaysia Madani - *Unity Glow Funwalk* Peringkat Daerah Melaka Tengah anjuran bersama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Melaka telah diadakan di Perkarangan Jejantas Tun Teja pada 22 Ogos 2025. Program yang diadakan sempena Hari Merdeka di bawah payung tema "Malaysia Madani" ini telah berjaya menarik minat warga tempatan untuk turut serta bagi memupuk semangat patriotisme,

perpaduan dan kesejahteraan rakyat.

Flag Off telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB serta Tn. Muhammad Firdaus bin Shariff, Setiausaha Bandaraya MBMB, Pn. Intan Suhana binti Yusuff, Pengarah JPNIN Negeri Melaka serta barisan Ahli Majlis MBMB.

Peserta dilihat mengenakan busana tradisional sempena menyambut Hari Kebangsaan Malaysia ke -68 tahun ini.

Selain itu, turut berlangsung Pertandingan Pakaian Beragam, Deklamasi Sajak dan Pertandingan Nyanyian Patriotik. Turut diadakan Pertandingan *Hot Wheels* Piala Tun Teja di kalangan peminat *hot wheels*.

Majlis penutup dan penyampaian hadiah disempurnakan oleh YB Datuk Hjh. Kalsom binti Nordin, EXCO Hal Ehwal Wanita, Pembangunan Keluarga dan Komuniti merangkap ADUN Pengkalan Batu.

KONVOI JELAJAH MERDEKA MBMB

MMBB bersama Peniaga Uptown merancang lagi kehangatan sambutan merdeka dengan mengadakan Konvoi Jelajah Merdeka bermula di Dataran Bandaraya MBMB pada **23 Ogos 2025**.

YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB mengetuai sendiri konvoi bersama anggota MBMB yang terlibat. Turut hadir menyertai konvoi, Tn. Muhammad Firdaus bin Shariff, Setiausaha Bandaraya MBMB. Pelepasan konvoi disempurnakan oleh Clr. Zamani bin Md. Isa, Timbalan Ketua Ahli Majlis MBMB bersama Pn. Hjh. Normala binti Abd Aziz, Pengarah Pelesenan dan Kesihatan Persekitaran MBMB.

Lokasi pertama peserta konvoi adalah di Uptown Tun Teja di mana YBhg. Datuk menyantuni orang ramai yang mengunjungi uptown tersebut di samping menyerahkan jalur gemilang kepada penganjur.

Seterusnya peserta konvoi bergerak ke Uptown Pahlawan Walk dan ke Harbour Street Market. Lokasi uptown terakhir adalah di Klebang Walk di mana YB Datuk Rais bin Datuk Wira Yasin, Exco Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana diiringi Clr. Mustafa bin Mohamed Baboo, Ketua Ahli Majlis MBMB turut sama-sama hadir menyantuni para

pengunjung serta menyerahkan jalur gemilang kepada penganjur.

Terima kasih semua!!!



PERSEMBAHAN MEMUKAU TIM AKROBATIK ARMY RED WARRIOR

Ribuan pengunjung membanjiri Perkarangan Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan menyaksikan persembahan Tim Akrobatik Army Red Warrior yang diadakan pada **14 September 2025**, sempena Sambutan Hari Malaysia dan Road To World Tourism Day 2025.

Hadir menyaksikan YB Datuk Wira Ibrahim bin Durum, Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka, YB Datuk Zulkiflee bin Datuk Seri Mohd Zin, Timbalan EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim Dan Pengurusan Bencana, YB Leng Chau Yen, ADUN Banda Hilir, YBhg. Datuk Hj. Shadan bin

Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB, Clr. Mustafa bin Mohamed Baboo, Ketua Ahli Majlis, ahli-ahli Majlis, Tn. Muhammad Firdaus bin Shariff, Setiausaha Bandaraya MBMB, serta Ketua-ketua jabatan MBMB. Jutaan terima kasih kepada YB Mejar Jeneral Dato' Mohamad Suria bin Mohamad Saad, Panglima Divisyen Ketiga Infantri dan YBhg. Brigedier Jeneral Shamsulakmar bin Hj Ismail - Pengerusi Kor Polis Tentera merangkap Pengerusi Tim ARW Malaysia yang turut hadir pada malam ini.

Tahniah kepada Tim ARW atas persembahan yang memukau para penonton!!!



MELAKA BRISK WALK @ JEJANTAS TUN TEJA

Melaka Brisk Walk @ Jejantas Tun Teja telah berlangsung dengan jayanya pada **20 September 2025**.

Flag off pelepasan peserta disempurnakan oleh YB Datuk Hjh. Kalsom binti Noordin, Exco Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Komuniti, merangkap ADUN Pengkalan Batu. Hadir sama YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Othman, Datuk Bandar MBMB, Clr. Mustafa bin Mohamed Baboo, Ketua Ahli Majlis serta Tn. Muhammad Firdaus

bin Sharif, Setiausaha Bandaraya.

Larian santai sejauh 5 kilometer ini merupakan salah satu program yang dirangka sempena WTD 2025 dan berjaya menarik lebih 800 orang peserta yang turut menyokong program anjuran MBMB ini.

Program ini turut dimeriahkan dengan Pertandingan Tun Teja HotWheels Race dan Cabutan bertuah bernilai sehingga RM5,000. Tahniah buat semua peserta yang berjaya.



DATARAN BANDARAYA MBMB LOKASI TUMPUAN PERMOTORAN



30 Ogos - Majlis pelepasan konvoi Kelab Permotoran HRV Malaysia (HCM) telah diadakan di hadapan Dataran Bandaraya MBMB.

YBhg. Datuk Bandar MBMB, Datuk Haji Shadan Bin Haji Othman sendiri turun

melepaskan konvoi. Hadir sama Tn. Muhammad Firdaus bin Shariff, Setiausaha Bandaraya, Encik Noor Azran Bin Nordin, Presiden Kelab HRV Malaysia dan Encik Tatang D Tjahyanto, Ketua Umum Kelab HRV Indonesia.

Seramai 100 orang peserta konvoi hadir yang merupakan ahli dari Kelab HRV Malaysia dan Kelab HRV Indonesia. Peserta konvoi dilepaskan ke destinasi seterusnya iaitu di Hotel Grandswiss Bel Jalan Hang Tuah Melaka.



6 September - Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB serta Tn. Muhammad Firdaus bin Sharif, Setiausaha Bandaraya telah turut serta dalam konvoi Mega BMW Gathering S1000RR yang bermula di

Dataran Bandaraya MBMB hingga ke A Famosa, Banda Hilir.

Flag - off peserta telah disempurnakan oleh Clr. Mustafa bin Mohamed Baboo, Ketua Ahli Majlis, Clr. Zamani bin Md. Isa,

Timbalan Ketua Ahli Majlis dan En. Hafiz bin Hj. Hasan, Pengarah Pengurusan Korporat dan Komuniti MBMB.

Terima kasih *rider-rider* BMW!!!



27 Oktober - Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dengan kerjasama Gabungan Persatuan Superbikes Malaysia flag off konvoi silang sempadan Bangkok - Sepang - MotoGP 2025 Melaka - Putrajaya - Danok sebagai sokongan terhadap kempen Melawat Malaysia telah diadakan di Dataran Bandaraya, MBMB.

YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin

Yusoh, Ketua Menteri Melaka turut hadir menyantuni para peserta konvoi motosikal berkuasa tinggi daripada Thailand. YBhg. Datuk Sulaiman Bin Samian, Timbalan Presiden *Superbikers Association* Malaysia menyerahkan cenderahati kepada YAB Ketua Menteri Melaka sebagai kenangan.

Flag off peserta disempurnakan oleh YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman,

Datuk Bandar MBMB, Tn. Muhammad Firdaus bin Shariff, Setiausaha Bandaraya MBMB serta En. Nur Adzlin bin Anuar, Penasihat Undang-undang MBMB. Konvoi ini disertai oleh 120 orang penunggang motosikal serta 15 orang marshal dari Malaysia. YBhg. Datuk Bandar turut menyampaikan sijil penghargaan kepada semua peserta konvoi.

MBMB HOS SAMBUTAN AMBANG MERDEKA 2025 SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN PENUH WARNA WARNI

Seramai lebih 20,000 orang pengunjung telah membanjiri Persiaran Jalan Merdeka, Banda Hilir dengan semangat patriotik bagi meraikan Majlis Sambutan Ambang Merdeka pada **30 Ogos 2025**, sempena Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Melaka Tahun 2025.

Sambutan Ambang Merdeka bermula sejak jam 8.00 malam lagi dengan persembahan medley puisi kemerdekaan, bicara berirama serta seni mempertahankan diri. Turut berlangsung penyampaian Hadiah Ekspresi Merdeka Video Kreatif Peringkat Negeri Melaka yang disempurnakan oleh YB Ngwe Hee Sem, EXCO Kesihatan, Sumber Manusia Dan Perpaduan.

YAB Ketua Menteri Melaka tiba di Perkarangan Persiaran Merdeka dengan menaiki *motorbike* bersama-sama 68 buah motosikal Kembara Aku Kasih Malaysia. Hadir sama YB Datuk Wira Ibrahim bin Durum, Speaker DUN Negeri Melaka, YB Datuk Azhar bin Hj. Arshad, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, barisan EXCO Dan Timbalan EXCO kerajaan Negeri Melaka, YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB, Ketua jabatan agensi dan persekutuan, ahli-ahli Majlis MBMB, Tn. Muhammad Firdaus bin Shariff, Setiausaha Bandaraya serta Ketua jabatan dan unit MBMB.

Majlis diteruskan dengan persembahan Kombo MBMB, etnik Kebudayaan Melaka, artis jemputan Soo Wincci, Ameng Spring, Floor 88 serta persembahan puisi dan sajak.

Seterusnya YAB Ketua Menteri Melaka menyampaikan amanat beliau dan mengingatkan semua warga Malaysia khususnya Rakyat Negeri Melaka untuk sama-sama memelihara kemerdekaan negara tercinta. Beliau turut menyampaikan *mock cheque* bernilai RM1,000.00 serta sijil penghargaan kepada Persatuan Beca Persona kerana 8 orang pengayuh beca telah menjelajah ke seluruh Semenanjung Malaysia menaiki beca selama 62 hari bermula 1 Julai 2025.

Tiba detik 12 malam YAB Ketua Menteri Melaka dan ribuan penonton yang hadir sama-sama mengira detik dan melaungkan laungan merdeka sebanyak 7 kali serta pertunjukan bunga api dan seterusnya persembahan artis jemputan terkemuka tanah air Soo Wincci, Floor 88, Ameng Spring dan Amy Search.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua agensi yang terlibat dalam menjayakan Sambutan Ambang Merdeka Tahun 2025 - Jabatan Ketua Menteri Melaka, Pasukan Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kesihatan Negeri Melaka, Jabatan Pendidikan Negeri

Melaka, Anggota Penguatkuasa PBT, Anggota Pembersihan Negeri Melaka, Pasukan Parakom dan Paramedik, Persatuan Seni Bela Diri, Badan Kebudayaan dan Kesenian MBMB, Kombo MBMB, pasukan teknikal dan keceriaan serta semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung.

Turut diadakan Majlis Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Melaka keesokan harinya yang turut dihadiri oleh dihadiri oleh TYT Tun Seri Setia Dr. Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka. Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah turut terlibat sebagai salah satu daripada 147 perarakan dan perbarisan serta kereta berhias yang menonjolkan elemen tangga Melaka dan tengkolok Melaka melambangkan kuasa, kemuliaan dan kedaulatan pemerintah.

Turut istimewa pada tahun ini lintas hormat pertunjukan udara melibatkan pesawat tempur Sukhoi dan pesawat angkut taktikal C 130-H Hercules. Ribuan pengunjung membanjiri Persiaran Merdeka bagi menyaksikan Sambutan Hari Kebangsaan ke-68 tahun.

Anda semua 'awesome'!

MERDEKA MERDEKA MERDEKA !!!!



KUDA 'JAGA' BANDAR, MENARA 001 MERCU BAHARU PELANCONGAN



Majlis Penyempurnaan Program *Road To World Tourism Day* (WTD) 2025 telah berlangsung di Perkarangan Jambatan Tan Kim Seng pada 21 September 2025.

YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka menyempurnakan gimik perasmian Unit Berkuda Pelancongan MBMB dengan memakaikan topi keledar kepada anggota Penguatkuasa MBMB. Unit Berkuda ini diwujudkan bagi

tujuan rondaan dan kawalan keselamatan serta tarikan pelancong di dalam kawasan Zon Bebas Kenderaan. YAB Ketua Menteri juga turut menyempurnakan pelancaran pencahayaan Menara Telekomunikasi Bukit Melaka yang telah dihiasi dengan lampu Spotlight RGB dan LED pixel. Hadir sama YB Datuk Wira Azhar bin Hj. Arshad, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, YB Datuk Wira Hj. Abdul Razak bin Abdul Rahman, EXCO Pelancongan, Warisan, Seni dan Budaya, Dr. Nazdiana

binti Ab Wahab, Ketua Pegawai Eksekutif MITCH, DCP Dato' Dzulkhairi Mokhtar, Ketua Polis Melaka, YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB, ahli-ahli Majlis MBMB, Tn. Muhammad Firdaus bin Shariff, Setiausaha Bandaraya MBMB, ketua jabatan MBMB serta wakil media.

YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh juga turut diraikan oleh hadirin sempena Ulang Tahun Kelahiran beliau. Terima kasih YAB CM!!!

SESI PENILAIAN ANUGERAH ASEAN CLEAN TOURIST CITY STANDARD 2026 - 2028



Sesi Penilaian Anugerah ASEAN *Clean Tourist City Standard* (ACTC) 2026-2028 telah berlangsung di Dewan Taming Sari, MBMB pada 16 Oktober 2025.

Ketua panel delegasi Pn Fanny John Sipawi, Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Wilayah Persekutuan Labuan disambut mesra oleh YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB, Tn. Muhammad Firdaus bin Shariff, Setiausaha Bandaraya serta ketua-ketua jabatan dan unit MBMB. Turut hadir wakil-wakil agensi yang terlibat.

Sesi penilaian dan pembentangan dokumen telah diadakan mengikut kriteria yang ditetapkan. Seterusnya, pada sesi petang para panel membentangkan rumusan sesi penilaian. Para panel juga dibawa ke sesi lawatan lapangan bermula di Taman Bandaraya Bukit Serindit, dan seterusnya ke Zon Bebas Kenderaan Banda Hilir dan kawasan sekitar bagi melihat sendiri fasiliti dan kemudahan yang disediakan.

Para panel turut diraikan secara santai di Medan Ikan Bakar Cystal Bay, Alai. Terima kasih kepada semua panel penilai!!!! Semoga kejayaan milik MBMB!



WAKIL RAKYAT UNTUK RAKYAT (WRUR) DUN KLEBANG 5-19 OKTOBER 2025



MAJLIS PERASMIAN PEMBUKAAN WRUR KLEBANG



5 Oktober – Majlis Perasmian Program Wakil Rakyat Untuk Rakyat (WRUR) DUN Klebang telah diadakan bersekalikan dengan Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia 2025 bertempat di Dewan SMK Bukit Rambai, dan disempurnakan



oleh YB Datuk Wira Lim Ban Hong, ADUN Klebang.

Turut hadir YB Datuk Ngwe Hee Sem, Exco Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan Negeri Melaka, YB Datuk Wira Salhah binti



Salleh, Pegawai Kewangan Negeri, YB Datuk Tuminah binti Kadi, ADUN Pantai Kundor, Clr. Mustafa bin Mohamed Baboo, Ketua Ahli Majlis MBMB serta Tn. Muhammad Firdaus bin Sharif, Setiausaha Bandaraya MBMB.

LARIAN HARI SUKAN NEGARA



12 Oktober – Hari Sukan Negara Run 2025 turut diadakan bersempena WRUR Dun Klebang anjuran bersama MBMB dan Active Nation. Larian sejauh 3 kilometer ini



melibatkan laluan sekitar Dataran Klebang. Turut diadakan cabutan bertuah kepada semua peserta yang hadir.



Tahniah kepada semua peserta HSN Run 2025!!!

GENERASI WAWASAN SMK BUKIT RAMBAI



13 Oktober – Program Generasi Wawasan sempena WRUR DUN Klebang di SMK Bukit Rambai telah dirasmikan oleh YB Datuk Wira Lim Ban Hong, ADUN Klebang.



Taklimat keselamatan dan bahaya dadah disampaikan oleh wakil Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Negeri Melaka. MBMB turut menyumbang kerusi taman



serta menanam tiga batang pokok sebagai tanda komitmen berterusan terhadap komuniti sekolah.

PROGRAM BANDARAYA PENYAYANG



15 Oktober – Program telah dilaksanakan di kediaman En. Abdul Latif bin Sahat dan Pn. Nonon binti Chiding dengan penglibatan Jabatan Pengurusan Korporat dan Komuniti, MBMB. YB Datuk Wira Lim Ban Hong bersama barisan MBMB turut hadir menyantuni penerima.



Antara bantuan diberikan ialah kerja gotong-royong baik pulih rumah, penyediaan katil dan tilam baharu serta sumbangan kit makanan, wang tunai dan kelengkapan rumah.



Terima kasih juga kepada The Lions Club dan seluruh warga MBMB yang menajayakan program ini.

HARI ADUAN RAKYAT



17 Oktober – Hari Aduan Rakyat sempena WRUR DUN Klebang di Dewan SJK (C) Ying Chye telah disantuni oleh YAB Ketua Menteri Melaka bersama Datuk Bandar MBMB bagi



mendengar aduan penduduk setempat. Program turut melibatkan barisan kepimpinan negeri, Setiausaha Bandaraya,



ketua jabatan serta pegawai kanan MBMB di bawah portfolio EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana.

MAJLIS PENYEMPURNAAN CADANGAN PEMBINAAN PASAR WILAYAH BATANG 3



17 Oktober – Majlis Penyempurnaan Cadangan Pembinaan Pasar Awam MBMB Batang Tiga sempena WRUR DUN Klebang telah disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua



Menteri Melaka di Pasar Batang 3, Klebang.

Taklimat projek disampaikan oleh Pengarah Kejuruteraan MBMB dan Datuk Bandar



MBMB turut menyerahkan Surat Kelulusan Kebenaran Merancang kepada pihak pemaju bagi pembinaan Pasar Wilayah Klebang yang bakal memanfaatkan peniaga serta penduduk setempat.

PROGRAM SANTUNI KASIH



18 Oktober – YB Datuk Wira Lim Ban Hong, ADUN Klebang turut hadir menyantuni warga emas dan penduduk sekitar dan turut menyampaikan sedikit sumbangan bagi meringankan sedikit beban kewangan



keluarga, sempena Program Santuni Kasih WRUR Dun Klebang.

Hadir sama YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB, Clr. Mustafa



bin Mohamed Baboo, Ketua Ahli Majlis MBMB, ahli-ahli Majlis MBMB dan Tn. Muhammad Firdaus bin Shariff, Setiausaha Bandaraya MBMB.

SANTUNI PENIAGA MEDAN SELERA TERBUKA BATANG 3



18 Oktober – Program Santuni Peniaga Medan Selera Terbuka Batang Tiga sempena Program Wakil Rakyat Untuk Rakyat (WRUR) DUN Klebang telah diadakan pada pagi tadi.



Hadir menyantuni orang awam yang sedang bersarapan pagi YB Lim Ban Hong, ADUN Klebang bersama-sama YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB. Turut hadir ahli-ahli Majlis MBMB,



Tn. Muhammad Firdaus bin Shariff, Setiausaha Bandaraya MBMB.

PERASMIAN PENUTUP WRUR KLEBANG



19 Oktober – Majlis Perasmian Penutupan Program Wakil Rakyat Untuk Rakyat (WRUR) DUN Klebang di Dataran Klebang telah disempurnakan oleh YAB Ketua Menteri Melaka dengan kehadiran barisan



kepimpinan negeri dan Datuk Bandar MBMB. Pelbagai pengisian menarik diadakan termasuk kenduri rakyat, permainan tradisional serta persembahan artis dan



Kombo MBMB sebagai penutup program yang bermula sejak 5 Oktober.

Tahniah orang Klebang !!!

WAKIL RAKYAT UNTUK RAKYAT (WRUR) DUN BUKIT KATIL 7-20 DISEMBER 2025



FUN WALK INTEGRITI



7 Disember – Pembukaan Program WRUR DUN Bukit Katil dimulakan dengan Fun Walk Integriti sempena Sambutan Hari Integriti Nasional dan Hari



Antirasuah Antarabangsa Peringkat Negeri Melaka yang melibatkan lebih 1,500 peserta bagi laluan sejauh 5 kilometer.



Program ini merupakan anjuran bersama MBMB, Unit Integriti Jabatan Ketua Menteri Melaka dan SPRM.

MAJLIS PERASMIAN PEMBUKAAN WRUR BUKIT KATIL



7 Disember – Majlis Perasmian Pembukaan WRUR DUN Bukit Katil di Dataran Bandaraya MBMB telah disempurnakan oleh YAB Ketua Menteri Melaka yang turut menyantuni peserta Fun Walk Integriti, melawat reruai agensi serta food truck.



Turut berlangsung pelancaran Sambutan Hari Integriti Nasional dan Hari Antirasuah Antarabangsa Peringkat Negeri Melaka serta penyampaian pensijilan ABMS 37001:2025 kepada Datuk Bandar MBMB, menjadikan MBMB PBT kedua menerimanya



selepas MBSA, di samping penyampaian hadiah pertandingan mewarna dan cabutan bertuah.

PROGRAM GENERASI WAWASAN



8 Disember – Program Generasi Wawasan sempena WRUR DUN Bukit Katil di SJKC Keh Seng telah disempurnakan oleh YB Tuan Hj. Adly bin Zahari dengan kehadiran barisan



wakil MBMB dan Jabatan Pendidikan Melaka.

Taklimat kebersihan disampaikan oleh



SWCorp dan MBMB turut menyumbang kerusi taman serta menanam tiga batang pokok sebagai tanda komitmen terhadap komuniti sekolah.

SAMBUTAN HARI AIDS SEDUNIA



11 Disember – Sambutan Hari AIDS Sedunia Peringkat Negeri Melaka 2025 di Dewan Taming Sari, MBMB, sebahagian daripada WRUR DUN Bukit Katil, telah disempurnakan



oleh YB Datuk Ngwe Hee Sem, Dr. Ruzita binti Mustafa dan Datuk Bandar MBMB.

Program ini dianjurkan bersama Jabatan



Kesihatan Negeri Melaka, Pejabat Kesihatan Melaka Tengah dan MBMB.

SUKANEKA KOMUNITI PAYA IKAN



13 Disember – Sukaneka Komuniti Paya Ikan sempena WRUR DUN Bukit Katil berlangsung meriah dengan pelbagai aktiviti menarik termasuk anyam ketupat,

dart, tiup belon dan cabutan bertuah. YB Tuan Hj. Adly bin Zahari turut hadir menyantuni peserta dan menyampaikan

hadiah, bersama pegawai MBMB serta JPKK Paya Ikan.

PERTANDINGAN MEMANCING TERTUTUP



14 Disember – Pertandingan Memancing Tertutup di Parit Cina, Bukit Pulau anjuran MBMB dan JPKK Bukit Pulau berjaya

menghimpunkan hampir 200 peserta. Hadir menyantuni pemancing, YB Tn. Hj.

Adly bin Zahari turut menyampaikan hadiah cabutan bertuah, program ini mengeratkan silaturahim komuniti setempat.

HARI ADUAN RAKYAT



14 Disember – Hari Aduan Rakyat telah diadakan di Melaka Mall dan disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh yang turut menyampaikan kit alat tulis sempena Program *Back To School* anjuran Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya.

Program ini turut dihadiri YB Datuk Rais bin Yasin, YB Datuk Zulkiflee bin Datuk Seri Mohd Zin serta YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman yang bersama-sama menyantuni dan mendengar aduan rakyat DUN Bukit Katil di bawah portfolio berkaitan.

Platform ini memperkukuh hubungan antara kepimpinan dan rakyat serta memastikan setiap aduan diberi perhatian sewajarnya.

PROGRAM BANDARAYA PENYAYANG



18 Disember – Program Bandaraya Penyayang sempena WRUR DUN Bukit Katil telah diadakan di dua kediaman di Bukit Katil dan Bukit Baru, melibatkan gotong-royong, pembaikan rumah, serta

sumbangan kit makanan, wang tunai, peralatan elektrik dan kelengkapan rumah. Program disantuni oleh YB Tuan Adly bin Zahari, Timbalan Menteri Pertahanan

merangkap ADUN Bukit Katil, bersama ahli majlis MBMB, Setiausaha Bandaraya dan wakil Japerun Bukit Katil.

MAJLIS PERASMIAN PENUTUP



20 Disember – Majlis Penutup WRUR DUN Bukit Katil di SMK Bukit Baru telah disempurnakan oleh YAB Ketua Menteri

Melaka dengan kehadiran barisan kepimpinan negeri dan Datuk Bandar MBMB.

Kombo MBMB turut membuat persembahan kepada pengunjung sebagai penutup program.

TAHNIAH PENERIMA APC MBMB!



Bagi menghargai sumbangan dan kecemerlangan yang telah ditonjolkan oleh penjawat-penjawat awam negeri Melaka, satu Majlis Apresiasi Perkhidmatan Awam Negeri (MAPAN) Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka 2025 telah diadakan pada **23 Oktober 2025**, bertempat di Hotel Dusit Princess, Melaka.

Majlis ini telah disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin

Yusoh, Ketua Menteri Melaka. Hadir sama, YB Datuk Wira Azhar bin Hj. Arshad, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, YB Datuk Wira Ibrahim bin Durum, Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka, barisan EXCO Kerajaan Negeri Melaka, YB Datuk Wira Salhah binti Salleh, Pegawai Kewangan Negeri, YB Datuk Khairul Azreem bin Mamat, Penasihat Undang-undang Negeri Melaka serta YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB

yang turut menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi Tahun 2024.

Tahniah kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) daripada Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah. Semoga anda semua terus cemerlang dalam melaksanakan tugas yang diberikan.

PASAR BESAR MELAKA SENTRAL BAKAL TAMPIL IMEJ BAHARU



Program Penilaian Pertama Pertandingan Idea Konsep Reka Bentuk Membina Pasar Besar Melaka Sentral telah diadakan di Hotel Tamara, Melaka pada **29 Oktober 2025**. Sebanyak 31 firma arkitek telah menghantar penyertaan di mana YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB sendiri yang mengetuai panel juri profesional seramai 8 orang dan seramai 4 orang juri awam yang diketuai oleh Clr. Mustafa bin Mohamed Baboo, Ketua Ahli Majlis MBMB. Barisan panel

juri juga terdiri daripada Lembaga Arkitek Malaysia (LAM), Pertubuhan Arkitek Malaysia, Arkitek daripada KPKT, jurutera berdaftar dan CIDB.

Turut diadakan publisiti awam bermula 10 November sehingga 28 November 2025 bagi 5 finalis terpilih bertempat di Lobi Graha Makmur, MBMB.

Kemuncaknya, para pemenang telah diumumkan pada Majlis Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Negeri Melaka pada

29 November 2025, bertempat di Perkarangan Dataran Istana Kesultanan Melayu Melaka.

Visage Architect telah diumumkan sebagai johan dan membawa pulang hadiah bernilai RM30,000.00. Idea rekabentuk pasar telah diterjemahkan melalui konsep Serambi Melaka - warisan yang tak lekang dek zaman.

Sama-sama kita nantikan untuk direalisasikan.

RUN FOR HUMANITY BERSAMAMU PALESTIN



Program *Run For Humanity Bersamamu Palestin* anjuran MyCare dan Persatuan Komuniti Serindit telah diadakan Taman Bandaraya Bukit Serindit. *Flag-off* peserta telah disempurnakan oleh YB Datuk Hj. Mohd Noor Helmy bin Abdul Halem, ADUN Duyong, YBhg. Datuk

Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB serta wakil MyCare Malaysia.

Seramai lebih kurang 500 orang peserta yang terlibat dalam program ini, yang diadakan pada **25 Oktober 2025**, di mana jarak larian adalah sejauh 5 kilometer. Turut diadakan reruai jualan

dan pameran di sekitar kawasan tersebut.

Tahniah kepada semua peserta. Semoga dengan program sebegini dapat menyuntik semangat warga bandaraya Melaka agar sama-sama cakna dan mendoakan rakyat Palestin.



AI UNTUK KOMUNITI

Program AI Untuk Komuniti telah diadakan di Ballroom, Stadium Hang Jebat pada **28 Oktober 2025**. Program ini merupakan anjuran HAWA Melaka bersama MBMB di mana para peserta diberi pendedahan berkaitan teknologi AI yang semakin berkembang pesat.

Para peserta juga turut mendengar taklimat mengenai strategik komunikasi dan bual bicara bersama YBhg. Datuk Rosni Zahari, Ketua Penerangan Wanita Malaysia. YB Datuk Rais bin Datuk Wira Yasin, EXCO Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim

Dan Pengurusan Bencana turut hadir menyempurnakan Majlis Perasmian Penutup program ini. Hadir sama Yang Berhormat Datuk Tuminah binti Kadi @ Mohd Hasim, Timbalan EXCO Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna merangkap Pengerusi Wanita Tangga Batu, YBhg. Datuk Rosni binti Zahari, Ketua Penerangan Wanita UMNO Malaysia, YBhg. Datuk Haryati binti Hamzah, Pengerusi HAWA Melaka, Clr. Encik Mustafa Bin Muhammad Baboo, Ketua Ahli Majlis MBMB, Datuk Bandar MBMB serta ahli-ahli Majlis MBMB.

Tahniah kepada semua peserta!!!

TAKLIMAT 'DUTA KECIL PELANCONGAN MELAKA'

Taklimat Pengayuh Beca Negeri Melaka Sempena Tahun Melawat Malaysia 2026 telah diadakan di Dewan Taming Sari, MBMB pada **2 Disember 2025**.

Taklimat telah disampaikan oleh En. Nor Adzlin bin Anuar, Penasihat Undang-Undang, Puan Michelle Yeo, Pegawai Eksekutif Cawangan Penguatkuasaan PERKESO, wakil daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan wakil Bahagian Promosi Pelancongan (BPP) Negeri Melaka.

Majlis Perasmian Penutup telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar

MBMB. Hadir sama Clr. Mustafa bin Mohamed Baboo, Ketua Ahli Majlis MBMB, Tn. Muhammad Firdaus bin Shariff, Setiausaha Bandaraya serta ketua-ketua jabatan dan unit MBMB.

Turut diadakan penyerahan lesen beca kepada pengerusi beca Negeri Melaka. Tahniyah kepada semua duta kecil pelancongan Negeri Melaka!!!



Tahniah

MELAKA TUAN RUMAH WTD & WTC 2025

MAJLIS PRA PELUNCURAN HARI PELANCONGAN SEDUNIA DAN PERSIDANGAN PELANCONGAN SEDUNIA 2025



5 Julai - Majlis Pra Peluncuran Hari Pelancongan Sedunia dan Persidangan Pelancongan Sedunia 2025 serta Sambutan Ulang Tahun ke-17 Melaka Bandaraya Warisan Dunia UNESCO telah berlangsung cukup meriah dengan kehadiran lebih 10,000 orang di perkarangan Stadthuys, Banda Hilir.

Bencana, YB Datuk Wira Hj. Abdul Razak bin Abdul Rahman, EXCO Pelancongan, Warisan, Seni dan Budaya serta barisan EXCO dan timbalan EXCO, ketua-ketua jabatan dan agensi, YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB, Tn. Muhammad Firdausbin Shariff, Setiausaha Bandaraya MBMB.



Majlis diserikan dengan kehadiran YB Dato Sri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya. Beliau disambut mesra oleh YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka dan isteri, YB Datuk Wira Ibrahim bin Durum, Speaker DUN Negeri Melaka, YB Dato' Azhar bin Hj. Arshad, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, YB Datuk Rais bin Datuk Wira Yasin, EXCO Kanan Perumahan Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan

Gimik pelancaran Pra Peluncuran World Tourism Day memaparkan montaj mengalu-alukan kedatangan Menteri Pelancongan seluruh dunia ke Negeri Melaka sempena *World Tourism Day* dan *World Tourism Conference* pada bulan September nanti. Turut diadakan penyampaian momentos dan surat jemputan ke Persidangan Pelancongan Sedunia kepada barisan duta-duta dan EXCO Pelancongan Negeri.

MELAKA HERITAGE RUN



20 September - Pembuka tirai sambutan *World Tourism Day 2025 - Program Melaka Heritage Run* bertempat di Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, Banda Hilir, Melaka. Seramai lebih kurang 4,000 orang

peserta telah menyertai program ini, yang telah disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka. Program ini turut dihadiri oleh YB Datuk Wira Azhar bin Hj. Arshad, Setiausaha

Kerajaan Negeri Melaka, Datuk Wira Abdul Razak bin Abdul Rahman, Exco Pelancongan, Warisan, Seni dan Budaya, dif-dif kehormatan yang lain serta YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB.

'JOYRIDE' BAWA MELAKA TERBANG TINGGI



26 September - Sempena WTD & WTC ini, sektor pelancongan Melaka kini terbang lebih tinggi apabila memperkenalkan satu lagi tarikan baharu dari ruang udara menerusi program 'Joyride'. Program tersebut merupakan yang pertama kali diperkenalkan di Melaka oleh International

Aero Training Academy (IATAC), di mana pakej penerbangan khas itu membolehkan orang ramai, pelancong dan pengunjung menikmati panorama Melaka dari ruang udara dengan menaiki pesawat ringan. Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin

Yusoh, Ketua Menteri Melaka bertempat di Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka. Joyride dijangka beroperasi sepenuhnya pada tahun 2026 dan akan memenuhi ruang udara Melaka dengan lapan penerbangan sehari.

MIT ALAYIA TRAVEL MEET 2025



26 September - Majlis Perasmian *MIT Malaysia Travel Meet 2025* (MITM 2025) telah diadakan di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka MITC.

Majlis ini disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka. Hadir sama YB Datuk Sri Tiong

King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, YB Datuk Wira Azhar bin Hj. Arshad, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, YB Datuk Wira Abdul Razak bin Abdul Rahman, EXCO Pelancongan, Warisan, Seni dan Budaya Negeri Melaka, YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB serta ketua-ketua

jabatan dan agensi negeri Melaka.

VMTM ini mempamerkan pameran pelancongan serta destinasi ikonik Malaysia yang menarik untuk dikunjungi sempena *World Tourism Day* dan Tahun Melawat Malaysia 2026!

'DINNER' WELCOME RECEPTION WTD 2025

26 September - Majlis Makan Malam *Welcome Reception World Tourism Day 2025* berlangsung cukup meriah di Encore, Melaka. Hadir menyempurnakan majlis, YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka. Hadir sama YB Datuk Seri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, barisan EXCO dan Timbalan EXCO kerajaan Negeri Melaka, Menteri - menteri pelancongan dari luar negara, DCP Dato' Dzulkhairi bin

Mukhtar, Ketua Polis Melaka, YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB, Tn. Muhammad Firdaus bin Shariff, Setiausaha Bandaraya. Turut berlangsung persembahan kebudayaan oleh peserta seluruh Malaysia yang hadir bagi merayakan *World Tourism Day* dan *World Tourism Conference 2025*. *World Tourism Day* pada tahun ini mengangkat tema Pelancongan dan Transformasi Mampan.



MAJLIS PELANCARAN WTD 2025



27 September - Majlis Pelancaran Hari Pelancongan Sedunia (WTD) 2025 telah berlangsung di Double Tree By Hilton. YAB Dato'Sri Fadillah bin Yusof, Timbalan Perdana Menteri Malaysia yang mewakili YAB Perdana Menteri hadir merasmikan majlis ini. Hadir sama, YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka, YB Datuk Seri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya; dan

Tuan Yang Terutama Zurab Pololikashvili, Setiausaha Agung UN Tourism. Menteri -Menteri Pelancongan dan wakil delegasi dari seluruh dunia hadir menjayakan persidangan WTD dan Persidangan Pelancongan Sedunia (WTC) 2025. Melalui persidangan yang bertemakan 'Pelancongan & Transformasi Mampan', ia memberi manfaat kepada sektor pelancongan di seluruh dunia.

KLIMAKS WTD 2025 - PELANCARAN TAHUN MELAWAT MALAYSIA 2026

28 September - Telah berlangsung Majlis Pelancaran Tahun Melawat Malaysia 2026 dengan cukup meriah dan berwarna warni bertempat di Encore, Melaka.

Hadir merasmikan adalah YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia. Hadir sama TYT Tun Seri Setia Dr. Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di -Pertua Negeri Melaka, YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka; YB Datuk Seri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia serta dif-dif kehormat yang lain.

Majlis yang turut disaksikan oleh delegasi pelancongan dari seluruh dunia ini merupakan simbolik kepada sektor pelancongan negara yang bakal menerima kunjungan pelancong dari dalam dan luar negara pada tahun hadapan.

Turut diadakan persembahan artis nombor satu negara, Datuk Seri Siti Nurhaliza, Misha Omar dan beberapa lagi artis tempatan yang lain.

Malam ini juga menyaksikan negeri Melaka telah mencipta rekod baharu dalam Malaysia Book of Record (MBOR) bagi sektor pelancongan apabila berjaya menghimpunkan seramai 3,224 penari yang mempersembahkan tarian zapin secara serentak.

Turut dipersembahkan 1,000 buah dron yang diterbangkan bagi membentuk pelbagai formasi sempena Majlis Pelancaran Tahun Melawat Malaysia 2026 dan bersempena Hari Pelancongan Sedunia (WTD) dan Persidangan Pelancongan Sedunia (WTC) 2025 di Encore Melaka.



IXORA MBMB EVOLUSI BAHARU DI HUJUNG JARI



MMB melakar satu lagi kejayaan dengan kewujudan Ekosistem Digital MBMB, IXORA MBMB satu platform yang menghimpunkan pelbagai perkhidmatan kerajaan dalam satu gerbang digital. Ia menggabungkan semua urusan seperti cukai, lesen, permit dan kompaun dalam satu platform sehenti menjadikan urusan lebih cepat, mudah dan telus.

Majlis Pelancaran IXORA MBMB ini telah diadakan di reruai pavilion MBMB,

Kompleks Perbadanan Putrajaya bersempena Hari Perancangan Bandar Sedunia, Kongres Perancangan Kebangsaan dan MyCity E&P 2025 pada **28 Oktober 2025**. YAB Datuk Amar Haji Fadilah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri Malaysia turut berkenan merasmikan IXORA MBMB dan disaksikan oleh YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri serta TPr. Hajah Mazrina binti Dato' Abdul Khalid,

Presiden Pertubuhan Perancang Malaysia, YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB serta Tn. Muhammad Firdaus bin Shariff, Setiausaha Bandaraya MBMB.

IXORA MBMB merupakan satu platform yang memudahkan urusan rakyat dan perniagaan tanpa perlu hadir ke kaunter serta turut menyediakan perkhidmatan digital seperti permohonan, pembayaran, dan semakan status secara masa nyata.



SISTEM RADAR TRAFFIC SPEED SIGN

Satu lagi inisiatif MBMB dalam mempertingkatkan kualiti hidup warga bandaraya melalui pembangunan infrastruktur pintar, keselamatan yang lebih baik, dan pengurusan trafik yang lebih efisien dengan memperkenalkan Sistem Radar Traffic Speed Sign di Jalan Bandaraya Bukit Serindit, pada **1 Disember 2025**.

Ciri-ciri utama peranti radar ini adalah pemasangan sensor halaju untuk mengukur halaju kenderaan, kamera ANPR (Automatic Number Plate Recognition) yang dapat mengenalpasti nombor plat secara automatik pada kenderaan bagi merakam kenderaan yang melebihi halaju serta paparan skrin yang menunjukkan kelajuan kenderaan.

SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA 2025 PERINGKAT NEGERI MELAKA



Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Negeri Melaka telah diadakan pada **29 November 2025** disulami dengan pelbagai aktiviti menarik bermula sejak pagi hingga ke malam bertemakan Riang Rih Melaka.

Paginya telah berlangsung Riang Rih Race bertemakan Teroka Bandar Warisan Dunia ini berkonsep *treasure hunt* di mana para peserta dikehendaki menyelesaikan soalan yang diberikan di setiap *check point*. Turut diadakan Riang Rih *Coloring* melibatkan seramai 100 orang kanak-kanak berumur 7-12 tahun.

YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB hadir menyampaikan hadiah kepada para pemenang, diiringi TPr. Abdulhan bin Abdul Lamit, Pengarah PLAN Malaysia

Melaka dan Tn. Muhammad Firdaus bin Shariff, Setiausaha Bandaraya MBMB.

Acara utama program pada malamnya iaitu Majlis Perasmian Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Negeri Melaka yang berlangsung dengan cukup meriah. Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Wira Azhar bin Hj. Arshad Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka mewakili YAB Ketua Menteri Melaka diiringi dif-dif kehormat yang lain.

Turut diadakan penyampaian Anugerah Bandar Mampan dan Penarafan *Smart City* kepada keempat-empat PBT serta Penghargaan Amalan Perancangan Terbaik, serta pengumuman pemenang Pertandingan Reka Bentuk Idea Konsep Pasar Besar Melaka Sentral.

MELAKA NEON WALK 50

Program Melaka *Neon Walk 50 For Cancer Awareness* yang merupakan anjuran bersama MBMB dan Lions Club Tanjung Bidara telah diadakan bersempena Program Melaka Bila Larut Malam Edisi Disember pada **6 Disember 2025**.

YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka meluangkan masa beliau menyempurnakan program pada malam tersebut. Hadir sama YB Datuk Wira Abdul Razak bin Abdul Rahman, EXCO Pelancongan, Warisan, Seni dan Budaya, YB Tuan Allex Seah Shoo Chin, EXCO Pembangunan Usahawan, Koperasi Dan Hal Ehwal Pengguna, YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB, Pn. Serena Yeo Swee Ling, 2nd Vice

District Governor, Pn. Josephine Tan Kai Ying, President Lions Club Tanjung Bidara, En. Nasrul bin Ahmad, Pengurus Besar Bahagian Promosi Pelancongan (BPP), serta ahli-ahli Majlis MBMB.

Turut diadakan penyampaian sijil penghargaan dan sumbangan kepada NGO yang terlibat, persembahan Bandan Kebudayaan & Kesenian MBMB, pertunjukan bunga api serta cabutan bertuah buat para peserta *Neon Walk 50*.



PROGRAM RAMAH MESRA TOK RAIS BERSAMA PENIAGA



Majlis Perasmian Pusat Penjaja Terbuka MBMB Taman Krubong Jaya serta Program Ramah Mesra Bersama Peniaga telah diadakan pada **13 Disember 2025**. Majlis disertai dengan kehadiran YB Datuk Rais bin Datuk Wira Yasin, Exco Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan,

Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana. Hadir sama YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB, Clr. Mustafa bin Mohamed Baboo, Ketua Ahli Majlis, Ahli-ahli Majlis, Pegawai-pegawai Kanan Jabatan serta komuniti setempat. Turut diadakan gimik

perasmian, jualan Agro Madani oleh FAMA, sukan rakyat serta cabutan bertuah buat para pengunjung. YB Datuk Exco Kanan turut mengagihkan sumbangan sebanyak 300 ekor ayam secara percuma buat pengunjung yang hadir.

RIZ MEMBERS RIDE EDITION



Riders RXZ Members Ride Edition 3.0 kembali lagi ke bumi Melaka. Para riders juga tidak melepaskan peluang bergambar kenangan di *pit-stop* MBMB di Dataran Bandaraya MBMB dan Perkarangan Muzium Istana Kesultanan Melayu Melaka.

YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB turut hadir menyantuni dan beramah mesra bersama para riders.

Terima kasih buat semua riders!

ASTAKONA MARKET @ BANDA HILIR



Satu lagi tapak penjaja baharu dalam suasana santai dan mesra keluarga yang diberi nama Astakona Market @ Banda Hilir anjuran bersama MBMB dan FAMA Negeri Melaka telah mula dibuka pada 20 Disember yang lalu. Astakona Market akan beroperasi setiap hari Sabtu mulai jam 8.00 pagi hingga 3.00 petang bertempat di hadapan Kolam Renang MBMB, Banda Hilir.

Pasar ini merupakan cetusan idea YAB Ketua Menteri Melaka untuk menghidupkan suasana pagi khususnya di Banda Hilir, Melaka. Terdapat pelbagai jualan daripada penjaja-penjaja kecil.

Antaranya produk makanan dan asas tani, makanan & minuman serta kraftangan dan pasarina. Jom kita 'support' peniaga-peniaga kecil Melaka!!



MELAKA BERSELAWAT



Majlis Melaka Berselawat sempena Sambutan Ambang Tahun Baharu 2026 telah diadakan pada malam **27 Disember 2025**, bertempat di Dataran Bandaraya MBMB.

Majlis anjuran Majlis Agama Islam Melaka dengan kerjasama Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah diserikan dengan kehadiran Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia Dr. Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang Di-Pertua Negeri Melaka.

Turut hadir YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka serta isteri, YB Datuk Wira Azhar bin Hj. Arshad, Setiausaha Kerajaan Negeri, YB Datuk Rais bin Datuk Wira Yasin, Exco Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana, barisan-barisan Exco, YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB serta dif-dif kehormat yang lain.

Walaupun dalam keadaan hujan renyai, umat Nabi Muhammad SAW

masih setia membanjiri Dataran Bandaraya MBMB untuk turut sama mengalunkan basidah dan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang diketuai oleh Habib Ali Zainal Abidin Al-Hamid bersama kumpulan Ahbabus Sham dan Kumpulan Hadra.

Semoga dengan penganjuran majlis selawat ini membuka lembaran tahun baharu 2026 dengan penuh keberkatan dan kerahmatan dari Yang Maha Esa.

HARI KELUARGA REGIMEN GERAK KHAS KE 60



Hari Keluarga Gabungan Majlis Sambutan Jubli Intan Regimen Gerak Khas Ke 60 Fasa 2 Tahun 2025 telah berlangsung cukup meriah dengan kehadiran anggota dan ahli keluarga Rejimen Gerak Khas pada **28 Disember 2025**, bertempat di Encore Melaka.

Hari keluarga ini turut dimeriahkan dengan kehadiran pemimpin nombor negeri Melaka, YAB Datuk Seri Utama

Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka bersama isteri. Hadir sama Leftenan Jeneral Ahmad Shuhaimi, Panglima 21 Gerup Gerak Khas, YB Datuk Wira Abdul Razak bin Abdul Rahman, EXCO Pelancongan, Warisan, Seni dan Budaya dan isteri, YB Datuk Rahmad bin Mariman, EXCO Pendidikan, Pengajian Tinggi Dan Hal Ehwal Agama dan isteri, EXCO Dan Timbalan EXCO, YB Datuk Khairul

Azreem Bin Mamat, Penasihat Undang-Undang, serta YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB dan isteri beliau.

Pelbagai program dan acara sukan yang diadakan sempena Hari Keluarga Gabungan termasuk pertunjukan payung terjun, pameran aset ketenteraan, menaiki bot maritim dan pelbagai lagi.

HARI TERBUKA JPSM MBMB

Bagi tujuan mengemaskini Buku Rekod Perkhidmatan anggota MBMB, Jabatan Pengurusan Sumber Manusia MBMB telah mengadakan Hari Terbuka JPSM MBMB bermula pada **30-31 Disember 2025**, bertempat di Dewan Taming Sari MBMB.

Semua anggota boleh menyemak dan mengesahkan butiran dalam Buku Rekod Perkhidmatan masing-masing

bagi tujuan pengemaskinian rekod terkini serta mengajukan sebarang persoalan berkaitan perkhidmatan mereka. YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB turut turun padang melihat sendiri tatacara pengemaskinian rekod peribadi dilaksanakan. Hadir sama, Tn. Muhammad Firdaus bin Shariff, Setiausaha Bandaraya MBMB.



SAMBUTAN AMBANG TAHUN BAHARU 2026, PELANCARAN TAHUN MELAWAT MELAKA 2026 DAN

SAMBUTAN JUBLI INTAN 21 REGIMEN GERAK KHAS

Sambutan Ambang Tahun Baharu 2026, Pelancaran Tahun Melawat Melaka 2026 dan Sambutan Jubli Intan 21 Regimen Gerak Khas telah berlangsung cukup meriah dengan kehadiran lebih 20,000 orang pengunjung dari dalam dan luar negeri Melaka di Encore Melaka, pada malam 31 Disember 2025. Majlis diserikan dengan kehadiran Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia Dr. Haji Mohd Ali Rustam, Yang Di-Pertua Negeri Melaka; dan

YABhg. Toh Puan Datuk Wira (Dr.) Hajah Asmah binti Ab Rahman. Turut hadir YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka, YB Datuk Wira Azhar bin Hj. Arshad, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, barisan EXCO dan timbalan EXCO, barisan Dif kehormat serta YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB. TAHUN MELAWAT MELAKA (TMM) 2.0 turut diluncurkan bagi menyokong Tahun Melawat Malaysia 2026.

Malam tersebut turut digamatkan dengan persembahan artis no. 1 tanah air iaitu Datuk Seri Siti Nurhaliza serta artis-artis jemputan yang lain. Turut diadakan persembahan demonstrasi oleh pasukan Regimen Gerak Khas serta pertunjukan bunga api sebagai simbolik menjelang tahun baharu 2026.

Terima kasih semua pengunjung yang hadir!!!!





PROGRAM KASIH 10 MUHARRAM

Program Kasih sempena 10 Muharram bersama para peniaga Uptown Teja Night Market telah diadakan di tapak Uptown Teja Night Market pada 6 Julai 2025.

YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB turun padang menyantuni peniaga-peniaga di sana di samping menyampaikan sedikit sumbangan kepada asnaf dan anak yatim sekitar Negeri Melaka. Hadir sama menyampaikan sumbangan YBhg. Datuk Mohd Azam bin Mohamad (DPSM), Sejapac Sdn. Bhd. serta En Asrul Firshah bin Rasul selaku presiden STB30.

Semoga dengan sedikit sumbangan ini dapat meringankan beban anak-anak asnaf ini.



PENJAJA TERATUR, NIAGA LEBIH LANCAR

Taklimat Penyusunan Semula Penjaja Taman Desa Duyong Dan Taman Duyong Bestari telah diadakan di Auditorium, MBMB pada 6 Ogos 2025. Tujuannya bagi memastikan susun atur dan kebersihan premis sentiasa dipandang serius oleh para penjaja.

Taklimat berkaitan pematuan syarat lesen disampaikan oleh En. Hirfizi Hafis bin Adam, Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pelesenan Dan Kesihatan Persekitaran, taklimat berkaitan keselamatan dan aspek pematuan undang-undang disampaikan oleh En. Zaki bin Zakaria, Penolong Pengarah Penguatkuasa, Jabatan Penguatkuasaan serta taklimat kebersihan kawasan sekitar telah disampaikan oleh En. Noor Azran bin Nordin, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Kanan, Jabatan Landskap Dan Pengindahan Bandaraya.

YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB turut memberi amanat beliau kepada semua penjaja dan menyerahkan lesen kepada semua penjaja yang terlibat. Hadir sama Ctr. Abd Razak bin Abu, Ahli Majlis MBMB, Tn. Muhammad Firdaus bin Shariff, Setiausaha Bandaraya MBMB dan pegawai-pegawai kanan MBMB.



UNSUNG HERO



YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB menyantuni En. Azhar bin Mohamed dan isteri beliau, Pn. Juliah binti Pit individu yang tular sebelum ini membantu mengutip sampah yang ditinggalkan oleh orang awam selepas Majlis Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Melaka tempoh hari di Banda Hilir. En. Azhar merupakan pekerja pembersihan di Muzium TLDM dan Pn. Juliah di RISDA Melaka.

Majlis sumbangan ini diadakan pada **5 September 2025**, bertempat di Muzium Tentera Laut, Banda Hilir.

Datuk Bandar turut menyampaikan sijil penghargaan kepada mereka dan kit makanan bagi menghargai usaha beliau membantu membersihkan negeri Melaka. Hadir sama YBhg. Datuk Muhammad Ahyad bin Abdullah, Setiausaha Khas Hal Ehwal Masyarakat Ketua Menteri Melaka turut

menyampaikan sedikit sumbangan daripada YAB Ketua Menteri Melaka. Turut hadir Tn. Muhammad Firdaus bin Shariff, Setiausaha Bandaraya MBMB serta wakil daripada PERZIM.

Terima kasih individu prihatin!

Semoga lebih ramai warga bandaraya Melaka yang cakna dalam menjaga kebersihan negeri Melaka ini.

PENGUJIAN AUDIOMETRI BUAT ANGGOTA MBMB



Program Pengawasan Perubatan dan Pengujian Audiometri telah dilaksanakan selama tiga hari bermula **17 hingga 19 Disember 2025** bertempat di Kompleks Logistik MBMB, Batu Berendam, melibatkan anggota berisiko daripada pelbagai jabatan dan unit termasuk Jabatan Infrastruktur Logistik Dan Komuniti, Jabatan Landskap Dan Pengindahan Bandaraya, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Pelesenan Dan Kesihatan Persekitaran serta Unit Sukan, MBMB.

Program ini merangkumi pelbagai pemeriksaan kesihatan serta sesi konsultasi bersama Doktor Kesihatan Pekerjaan, selain pengujian audiometri.

Pelaksanaan program ini telah mendapat sokongan penuh daripada pihak pengurusan tertinggi MBMB, yang turut diserikan dengan kehadiran YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB dan Tn. Muhammad Firdaus bin Shariff, Setiausaha Bandaraya MBMB sebagai tanda komitmen kepimpinan terhadap aspek keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan warga kerja.

Secara keseluruhan, seramai 146 orang anggota telah terlibat sepanjang tempoh pelaksanaan program ini yang telah dikendalikan oleh TTMC Towers Medical Centre selaras dengan usaha berterusan MBMB dalam memperkukuh budaya kerja sihat dan selamat.



DATUK BANDAR CAKNA ANGGOTA, SANTUNI MEREKA

7 JULAI
EN. MOHD FATHIL BIN MOHD TAHIR,
JABATAN LANDSKAP DAN
PENGINDAHAN BANDARAYA



20 SEPTEMBER
MENYANTUNI KELUARGA ALLAHYARHAM
EN. ABD GHANI BIN MAT TOP,
JABATAN INFRASTRUKTUR KOMUNITI DAN LOGISTIK



25 SEPTEMBER
MENYANTUNI KELUARGA ALLAHYARHAM
EN. RAMLE BIN MOHAMAD SAM,
JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA MBMB



17 OKTOBER
EN. MUHAMMAD SYAFIQ BIN AZMAN,
JABATAN INFRASTRUKTUR KOMUNITI DAN LOGISTIK



17 OKTOBER
EN. KAMARUDIN BIN HJ. ABDUL JALIL,
JABATAN INFRASTRUKTUR KOMUNITI
DAN LOGISTIK MBMB.



19 OKTOBER
EN. ABDULLAH BIN SALLEH,
JABATAN LANDSKAP DAN PENGINDAHAN BANDARAYA



21 OKTOBER
EN. AHMAD SAUFI BIN IBRAHIM,
JABATAN PENGUATKUASAAN



23 OKTOBER
EN. KAMIS BIN DAUD,
JABATAN LANDSKAP & PENGINDAHAN BANDARAYA



6 NOVEMBER
CLR. EN. MOHD FAIZAL BIN KAMARUDDIN,
AHLI MAJLIS MBMB



11 DISEMBER
EN. ZAKARIA BIN MAJID,
JABATAN LANDSKAP & PENGINDAHAN BANDARAYA



12 DISEMBER
EN. HAKIM BIN HASSAN,
JABATAN PENGUATKUASAAN



14 DISEMBER
EN. MADIRAN BIN PENI,
JABATAN PENGURUSAN KORPORAT & KOMUNITI



22 DISEMBER
EN. MOHD SYUKREE MOHD TAN,
JABATAN INFRASTRUKTUR KOMUNITI & LOGISTIK



22 DISEMBER
EN. ISKANDAR ZULKARNAIN BIN ZAINAL ABIDIN,
JABATAN LANDSKAP & PENGINDAHAN BANDARAYA



BENGKEL LATIHAN INSTRUMEN PENGURUSAN PRESTASI MYPERFORMANCE



Bengkel Latihan Instrumen Pengurusan Prestasi MyPerformance telah diadakan pada **27 Ogos 2025**, di Hotel Ames. Taklimat telah disampaikan oleh Pn. Noor Azilah binti Amit dan barisan fasilitator mengikut modul.

Bengkel selama dua hari bermula 26 Ogos ini dihadiri oleh ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan serta wakil jabatan dan unit MBMB. Tn. Muhammad Firdaus bin Shariff, Setiausaha Bandaraya MBMB turut sama-sama hadir mendengar taklimat.

MyPerformance merupakan Sistem Pengurusan Prestasi Kumpulan Pengurusan Profesional Serta Kumpulan Pelaksana yang dibangunkan oleh JPA.

KURSUS PENDEDAHAN BUNYI BISING

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah telah mengadakan Kursus Pendedahan Bunyi Bising selama 2 hari bermula pada **24 hingga 25 September 2025**, bertempat di Dewan Taming Sari MBMB. Seramai 160 orang peserta yang terdiri dari anggota yang terdedah dengan peralatan dan jentera yang menghasilkan bunyi bising semasa menjalankan tugas harian. Taklimat telah disampaikan oleh En.Aziz Bin Basiran dari Ab Premier Technology(M) Sdn Bhd.

Pelaksanaan kursus ini adalah selaras

dengan peruntukan di bawah Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (Pendedahan Bising) 2019 iaitu adalah menjadi tanggungjawab majikan untuk menyediakan latihan bekerja di tempat bising kepada anggota yang berisiko dan melaksanakan kerja dalam persekitaran bunyi bising yang berlebihan untuk melindungi pendengaran.

Selain itu, kursus ini juga bagi memberi pendedahan mengenai pemahaman pemantauan dan pengurusan risiko bunyi bising di tempat kerja.



LAHIRKAN WARGA MBMB CELIK TEKNOLOGI



Program Teknologi Update EPSON bersama Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah telah diadakan di Dewan Taming Sari, MBMB pada **11 September 2025**. Program ini merupakan kolaborasi agensi kerajaan dan swasta bagi perkongsian ilmu dan

teknologi terkini serta inovasi. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB. Hadir sama, Mr. Tan Boon Hiong, Pengurus Kanan EPSON Malaysia, Tn. Muhammad

Firdaus bin Shariff, Setiausaha Bandaraya MBMB, Ketua-ketua Jabatan dan Unit MBMB serta anggota MBMB.

Semoga sesi perkongsian ini memberi manfaat kepada anggota tentang teknologi terkini yang digunakan.

TAKLIMAT PENGGUNAAN PPE



Satu sesi Taklimat Penggunaan Peralatan Perlindungan Diri (PPE) yang dihadiri oleh 95 orang anggota MBMB telah diadakan pada **23 Oktober 2025**. Taklimat telah disampaikan oleh Mejar Bersekutu (PA) Teoh Cheng Guan dari Syarikat Tised Sdn. Bhd.

Program ini bertujuan memperkukuh pengetahuan teknikal dan kefahaman praktikal anggota terhadap penggunaan PPE yang sesuai, selamat

dan mengikut prosedur kerja piawai, bagi mengurangkan risiko pendedahan kepada bahaya di tempat kerja.

Ini juga merupakan sebahagian daripada inisiatif tahunan MBMB yang dijalankan seiring dengan proses pembekalan PPE tahunan, sebagai komitmen berterusan organisasi dalam memastikan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan produktif sejajar dengan prinsip Occupational Safety and Health (OSH).

KURSUS KESEDARAN PENGURUSAN TRAFIK

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah telah mengadakan Kursus Kesedaran Pengurusan Trafik buat anggota MBMB pada **28 hingga 30 Oktober 2025**, bertempat di Dewan Taming Sari MBMB.

Kursus selama 3 hari ini telah dibahagikan kepada beberapa sesi, yang melibatkan seramai 100 orang anggota jabatan dalaman MBMB.

Tujuannya adalah untuk memberi pendedahan dan kesedaran kepada semua anggota MBMB yang bekerja di

lapangan agar lebih memahami pelan pengurusan trafik (TMP) dan kemahiran menguruskan trafik di jalan seperti kaedah penutupan jalan dan papan tanda amaran.

Kursus ini telah disampaikan oleh tenaga pengajar daripada Etas Excellent PLT yang berpengalaman dalam bidang Traffic Management Officer (TMO).

Semoga ilmu yang diperolehi dapat dipraktikkan oleh anggota-anggota yang terlibat.



BENGKEL PENJANAAN HASIL BAHARU

Bengkel Penjana Hasil Baharu / Peningkatan Hasil MBMB telah diadakan selama 3 hari di Hotel Royal Signature, Kuala Lumpur pada **30 Oktober hingga 1 November 2025**.

Bengkel ini turut dihadiri YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB. Hadir sama Clr. Mustafa bin Mohamed Baboo, Ketua Ahli Majlis MBMB, ahli-ahli Majlis MBMB, Ketua-ketua jabatan dan unit serta pegawai-pegawai kanan MBMB.

Jabatan dan unit turut dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan

setiap kumpulan membentangkan cadangan hasil baharu mengikut jabatan masing-masing.

Keperluan untuk menjana hasil baharu ini adalah bagi menangani stagnasi hasil MBMB yang kekal pada angka yang sama serta memastikan kestabilan kewangan Majlis agar dapat berdikari bergantung kepada bantuan kewangan kerajaan pusat.

Semoga bengkel ini memberi manfaat kepada seluruh warga kerja MBMB!



TAKLIMAT SST

Pada 24 November 2025, telah berlangsung Taklimat Pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) bertempat di Dewan Taming Sari MBMB.

Taklimat telah disampaikan oleh Puan Haslina binti Sulaiman, Penolong Pengarah Kastam Diraja Malaysia, Negeri Melaka bersama-sama dengan 4 orang lagi penceramah daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia Negeri Melaka. Taklimat Adalah

berkisar tentang Pengenalan SST, Tatacara Pendaftaran, Pembatalan, Penghantaran, Remisi dan Pulangbalik Cukai Perkhidmatan.

Majlis Penutup telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB. Hadir sama Tuan Muhammad Firdaus bin Shariff, Setiausaha Bandaraya MBMB, Cik Hjh. Siti Rahmah binti Ismail, Pengarah Kewangan serta Ketua-ketua Jabatan dan Unit MBMB.



BENGKEL KAMUS KOMPETENSI FUNGSIAN MBMB

24-26 November - Bengkel Kamus Kompetensi Fungsian Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah telah diadakan selama 3 hari di Grand Swiss Bell Hotel Melaka bermula pada 24-26 November 2025.

Para peserta bengkel terdiri daripada pegawai-pegawai kanan dan anggota pentadbiran MBMB bagi memastikan setiap jawatan mempunyai rangkuman kompetensi yang jelas, terukur dan relevan bagi menyokong aspirasi bandar raya ini ke arah tadbir urus yang lebih cekap, berkesan dan berintegriti.

Pembentangan rumusan bengkel telah disampaikan oleh fasilitator bengkel ini iaitu En. Alwan bin Wagiman. Tn. Muhammad Firdaus bin Shariff, Setiausaha Bandaraya MBMB turut menyampaikan ucapan beliau bagi Majlis Perasmian Penutup Bengkel Kamus Kompetensi Fungsian MBMB dan berharap agar kompetensi fungsian mengikut bidang tugas sebenar jabatan dapat keselarasan dalam penilaian prestasi dan latihan. Semoga sesi bengkel ini memberi manfaat kepada semua peserta.



SEMINAR PENGUATKUASAAN DI TEMPAT KERJA

Telah berlangsung Seminar Penguatkuasaan Di Tempat Kerja Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah pada 29 Disember 2025, melibatkan anggota Jabatan Penguatkuasaan Hasil, Jabatan Penguatkuasaan dan Jabatan Infrastruktur Komuniti Dan Logistik MBMB di Dewan Taming Sari.

Taklimat berkaitan Motivasi dan Implikasi Kepada Sikap Anggota Perkhidmatan Awam telah disampaikan oleh Pn. Noraidah binti

Abdullah, Pegawai Psikologi dan taklimat berkaitan Penguatkuasaan dan Impak Kepada Imej Organisasi disampaikan oleh Tuan Haji Mohamed Rizal bin Muhd Tayab.

Majlis Perasmian Penutup Seminar ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB. Hadir sama, En. Sha'rin bin Sahad, Ketua Unit Integriti MBMB serta anggota jabatan yang terlibat. Semoga perkongsian ceramah ini memberi manfaat kepada semua!



MESYUARAT AGUNG KOPERMA



Teloh berlangsung Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Makmur Melaka Berhad (KOPERMA) Kali Ke 26 di Dewan Taming Sari,

MBMB pada 27 Ogos 2025. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Wira Hj. Zaini bin Md Nor

selaku Pengerusi KOPERMA dan dihadiri oleh ahli jawatankuasa. Turut diadakan sesi cabutan bertuah buat semua ahli yang hadir.

PROGRAM MIND AND BODY

PUSPANITA Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dengan kerjasama Pusat Kemahiran MAHANS telah menganjurkan Program *Mind and Body* pada 10 Disember 2025.

Tuan Setiausaha Bandaraya MBMB. Semoga sesi ini memberi manfaat kepada semua yang hadir!

YBhg. Datin Hjh. Suriyati binti Yaapar, isteri kepada YBhg. Datuk Bandar merangkap Pengerusi PUSPANITA MBMB mengetuai ahli PUSPANITA MBMB bagi program tersebut. Delegasi disambut mesra oleh Madam Ng Yin Ming, Pengetua MAHANS International School. Hadir sama Puan Zaihasrah Azlizah binti Zali, isteri kepada



BISIKAN IMAN, SENTUHAN ROHANI

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah turut mengimbangi antara tuntutan dunia dan akhirat dengan menganjurkan pelbagai program keagamaan untuk seluruh warga kerjanya. Antara program yang dilaksanakan adalah Solat Dhuha pada setiap hari isnin serta Ceramah Agama Bulanan yang menampilkan penceramah-penceramah jemputan yang berbeza pada setiap bulan.

Program sebegini bukan sahaja mengisi rohani, malah mengeratkan silaturahim dalam kalangan anggota. Ia menjadi peringatan bahawa di sebalik kesibukan mengejar prestasi, kekuatan dalaman dan nilai keagamaan perlu sentiasa dipelihara. Diharapkan program ini terus menjadi amalan berterusan dalam membentuk warga kerja yang seimbang dari segi jasmani dan rohani.





BOLA SEPAK □ PENJURU

Telah berlangsung Perlawanan Bola Sepak 4 Penjuru di Stadium Hang Tuah pada **4 Disember 2025**. Perlawanan yang melibatkan 4 kumpulan ini iaitu Elit MBMB, SWM, SW Corp dan CMI Infra adalah bagi mengukuhkan silaturrahim di antara agensi Negeri Melaka.

Hadir menyempurnakan penyampaian hadiah YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB, Clr. Mustafa bin Mohamed Baboo, Ketua Ahli Majlis MBMB, Tn. Muhammad Firdaus bin Shariff, Setiausaha Bandaraya MBMB, Clr. Abdul Razak bin Abu, Ahli Majlis MBMB, En Nor Zaki bin Md Nor, Pengarah SW Corp Melaka, serta wakil SWM dan CMI Infra.

Tahniah kepada Elit MBMB di atas kemenangan ini !!!



SUKAN TRADISIONAL @ JEJANTAS TUN TEJA

□ejohanan Sukan Tradisional Tun Teja 2025 Piala Ketua Menteri Melaka telah diadakan pada **5 Disember 2025**, bertempat di Jejantas Tun Teja.

Hadir merasmikan program tersebut adalah YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka. Hadir sama, YB Datuk Hj Kalsom binti Nordin, ADUN Pengkalan Batu selaku tuan rumah, YB Datuk Wira Abdul Razak

Abdul Rahman, EXCO Pelancongan, Warisan, Seni dan Budaya; dan Datuk Hj Shadan bin Hj Othman, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah.

Sukan Tradisional Tun Teja tahun ini menerima sambutan yang amat menggalakkan dengan lebih 1,000 penyertaan direkodkan.

Tahniah kepada semua peserta yang anggun berbusana tradisional!



SOCCER KIDS PIALA DATUK BANDAR



Pada 20 Disember 2025, telah berlangsung Kejohanan Bola Sepak Piala Datuk Bandar MBMB (Soccer Kids) 2025 anjuran MBMB dan Kelab KR7 di Stadium Hang Tuah, Melaka.

Sepak mula kejohanan Soccer Kids ini disempurnakan oleh Clr. Juhari bin Ahmad Salleh, Clr. Linesh Khandar a/

Babu @ Harshad Kumar, ahli Majlis MBMB dan En. K. Rajan, Kelab KR7.

Majlis penutup dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB. Hadir sama Clr. Linesh Khandar a/ Babu @ Harshad Kar, Clr. Zihni Amsyar bin Shahizatul Halimi, ahli-ahli Majlis MBMB, Tn.

Muhammad Firdaus bin Shariff, Setiausaha Bandaraya MBMB serta Coach K. Rajan.

Sebanyak 32 pasukan yang bertanding bagi kategori bawah 8 tahun, 10 tahun serta 12 tahun. Tahniah dan syabas kepada semua peserta!

LARIAN ANTARABANGSA DUYONG KITA



Telah berlangsung Larian Budaya Antarabangsa Duyong Kita pada 21 Disember 2025, dengan penyertaan lebih 20,000 orang peserta.

Flag off peserta disempurnakan oleh YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk Bandar MBMB, En. Nasrul bin Ahmad, Pengurus Besar Bahagian Promosi Pelancongan, dan Tn. Muhammad Firdaus bin Shariff, Setiausaha Bandaraya MBMB.

YB Datuk Hj. Mohd Noor Helmy bin Abdul Halem, ADUN Duyong bersama-sama ribuan peserta yang berbusana tradisional berjalan sejauh

5.32 kilometer bermula di Stadium Tun Fatimah, Bukit Serindit.

Terima kasih semua peserta!!! Anda awesomeeee.



OPERASI BERSEPADU CEGAH JENAYAH SOSIAL



Operasi Bersepadu Cegah Jenayah Sosial ini dilaksanakan sebagai satu inisiatif bersama antara agensi penguatkuasa bagi membanteras jenayah dan gejala sosial yang semakin membimbangkan serta memberi kesan negatif terhadap keselamatan dan kesejahteraan masyarakat setempat. Operasi berkala ini diaturkan

oleh Jabatan Penguatkuasaan MBMB, diketuai oleh Tuan Mohd Irwan bin Samat, Pengarah Jabatan Penguatkuasaan MBMB. Operasi ini turut dilaksanakan secara terancang dan bersepadu bagi memastikan keberkesanan tindakan penguatkuasaan yang turut disertai oleh Jabatan Pelesenan dan Kesihatan Persekitaran MBMB dan juga agensi

sahabat lain seperti Polis Diraja Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Agama Islam Melaka yang terus utuh dalam kesepakatan untuk menjayakan operasi ini. Terima kasih tidak terhingga diucapkan kepada semua agensi yang membantu menjayakan setiap operasi MBMB!

OPERASI PEMUTIHAN KAWASAN PERINDUSTRIAN & IKS



Satu Operasi Bersepadu Pemutihan Kawasan Perindustrian dan Industri Kecil & Sederhana (IKS) dalam Kawasan Pentadbiran MBMB telah diadakan pada 19 November 2025. Taklimat operasi telah disampaikan oleh Pn. Hj. Normala binti Abdul Aziz, Pengarah Pelesenan dan Kesihatan Persekitaran kepada anggota yang terlibat. Operasi bersepadu ini dilaksanakan bagi memastikan pematuhan undang-undang serta peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa dipraktikkan sepanjang masa. Ianya

juga bertujuan untuk semakan pematuhan syarat lesen, tred perniagaan yang tidak dilesenkan, cukai taksiran, semakan kebersihan sekitar premis dan gangguan kepada persekitaran setempat. Seramai 13 anggota yang terlibat, terdiri daripada Jabatan Pelesenan dan Kesihatan Persekitaran, Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta dan Jabatan Kawalan Bangunan. Sebanyak 10 Notis Pemberitahuan Kesalahan (NPK) telah dikeluarkan kepada pemilik premis bagi mematuhi syarat lesen.



OPERASI BERSEPADU PENGENDALI MAKANAN DI ZBK@BANDA HILIR

Operasi Bersepadu Pengendali Makanan Di Zon Bebas Kenderaan, Banda Hilir telah diadakan pada 7 November 2025. Operasi yang diketuai oleh Jabatan Pelesenan Dan Kesihatan Persekitaran MBMB ini bertujuan untuk memastikan para peniaga mematuhi syarat lesen dan menjaga kebersihan premis di samping mencegah penularan

penyakit bawaan makanan serta melindungi kesihatan pengguna. Gensi yang turut serta adalah Jabatan Kesihatan Negeri Melaka dan Pejabat Kesihatan Daerah Melaka Tengah.

Peniaga perlulah sentiasa menjaga kebersihan premis dan memastikan berpakaian kemas dan bersih dalam mengendalikan makanan.



OPS KHAS TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN MBMB



Operasi Khas Tunggakan Cukai Taksiran MBMB merupakan satu langkah proaktif MBMB dalam memastikan kutipan cukai taksiran yang tertunggak diberi notis peringatan sebelum penyitaan dijalankan ke atas premis. Operasi ini bermula pada **1030 Oktober 2025**, yang melibatkan gandingan 10 orang ahli majlis,

9 orang bailif, 10 orang penghantar notis dan 2 wakil setiap jabatan.

Operasi ini memfokuskan kepada pegangan berkategori perniagaan sahaja, memandangkan jumlah tunggakan tertinggi adalah daripada kategori ini. Walaupun begitu, sebagai galakan kepada semua pemilik harta,

pemilik pegangan berkategori kediaman, perindustrian dan tanah kosong yang menjelaskan bayaran tunggakan atau ansuran dalam tempoh operasi khas ini juga layak menerima insentif yang sama seperti yang ditawarkan kepada kategori perniagaan.

OPERASI ADUAN AWAM



Satu Operasi Aduan Awam di Medan Selera di Jalan Munshi Abdullah telah dijalankan pada **17 Oktober 2025** susulan aduan berulang.

Operasi ini diketuai sendiri oleh YBhg. Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Datuk

Bandar MBMB. Turut hadir Tn. Muhammad Firdaus bin Shariff, Setiausaha Bandaraya MBMB, En. Mohd Irwan bin Samat, Pengarah Penguatkuasaan serta anggota penguatkuasa dan jabatan dalaman MBMB.

Aduan ini adalah melibatkan kacauganggu bunyi bising. Semoga aduan ini dapat diselesaikan serta adalah dinasihatkan kepada semua agar sama-sama menjaga ketentaraman awam.

OPERASI BERSEPADU PUSAT HIBURAN



Satu Operasi Bersepadu Pusat Hiburan telah diadakan di sekitar kawasan pentadbiran MBMB pada **24 Oktober 2025**. Operasi ini telah diketuai oleh YBrs. Tuan Mohd Irwan Bin Samat, Pengarah Jabatan Penguatkuasaan MBMB.

Turut terlibat dalam operasi ini adalah Jabatan Kesihatan Negeri Melaka, Jabatan Agama Islam Negeri Melaka (JAIM) dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan Negeri Melaka (AADK).

Operasi ini akan diteruskan secara

berkala bagi memastikan premis-premis ini mengikut syarat dan peraturan yang telah ditetapkan oleh MBMB dan lain-lain agensi.

BAKTI DISEMAI, JASA DITUAI

1



Nama : En. Mohd Saadob bin Puteh (11 Sep)
 Jabatan : Pelesenan & Kesihatan Persekitaran
 Tempoh Berkhidmat : 8 tahun, 8 bulan

2



Nama : En. Mohiddin bin Majid (26 Sep)
 Jabatan : Penguatkuasaan Hasil
 Tempoh berkhidmat : 41 tahun, 9 bulan

3



Nama : En. Azri bin Taib (24 kt)
 Jabatan : Pelesenan & Kesihatan Persekitaran
 Tempoh Berkhidmat : 26 tahun

4



Nama : Pn. Hairinesa binti Iris (17 Nov)
 Jabatan : Infrastruktur Komuniti & Logistik
 Tempoh Berkhidmat : 21 tahun

5



Nama : En. Mohd Sam bin Ahmad
 Jabatan : Kejuruteraan
 Tempoh Berkhidmat : 5 tahun 4 bulan

6



Nama : Pn. Aini binti Aziz
 Jabatan : Pelesenan & Kesihatan Persekitaran
 Tempoh Berkhidmat : 24 tahun 6 bulan

7



Nama : En. A. Sanmugan Arunahalam
 Jabatan : Infrastruktur Komuniti & Logistik
 Tempoh Berkhidmat : 1 tahun, 5 bulan

8



Nama : Pn. Kasidah binti Ab Wahab
 Jabatan : Kawalan Bangunan
 Tempoh berkhidmat : 21 tahun 8 bulan



KLIK - KLIK MBMB

